

TAWARAN TEMPOH TERHAD



PruBSN Lestari

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL ASAS YANG DIPERMUDAHKAN

Lebih Senang, Lebih Tenang



Perlindungan Takaful adalah penting demi kesejahteraan keluarga anda pada masa kini. Pelan Takaful dapat menjamin ketenangan fikiran anda dengan menyediakan perlindungan untuk keluarga sekiranya sesuatu yang tidak diduga berlaku kepada diri anda. Walau bagaimanapun, *58% rakyat Malaysia adalah berisiko tanpa sebarang insurans atau perlindungan Takaful. Kadang kala, anda mungkin tiada kelapangan masa untuk mendapatkan perlindungan Takaful kerana kesibukan urusan harian.

Di PruBSN, kami memudahkan urusan anda. Dengan **PruBSN Lestari**, anda boleh mendapatkan perlindungan yang anda dan keluarga perlukan **termasuk manfaat kesejahteraan, dengan proses pendaftaran yang mudah**. Kami memahami bahawa tiada pelan yang boleh memenuhi segala keperluan pelan perlindungan anda. Oleh itu, pelan ini membolehkan anda membuat penyesuaian pada jumlah perlindungan dan rider tambahan pilihan bagi memastikan kemudahan perlindungan untuk anda dan keluarga.

PruBSN Lestari kini menawarkan anda perlindungan tanpa perlu menjawab soalan kesihatan. Daftar sekarang kerana PruBSN Lestari hanya ditawarkan dalam tempoh masa yang terhad.



*https://www.bnm.gov.my/documents/20124/5915429/fsb3_en_book.pdf

Memperkenalkan **PruBSN Lestari**, pelan Takaful Keluarga sumbangan berkala yang direka khusus untuk memenuhi keperluan perlindungan anda dan disediakan dengan cara yang paling mudah diakses.

PruBSN Lestari memberikan perlindungan penting untuk anda dan meringankan beban kewangan orang tersayang apabila berlaku kejadian yang tidak diduga. Tambahan lagi, ia merangkumi perlindungan terhadap beberapa penyakit berjangkit yang lazim di Malaysia.

Pelan ini memberi anda ketenangan fikiran dengan proses yang mudah tanpa sebarang soalan kesihatan atau pengisytiharan dan pemeriksaan perubatan. Pada masa yang sama, anda diberi fleksibiliti untuk memilih jumlah perlindungan dan pilihan rider tambahan yang memenuhi kemampuan dan keperluan perlindungan anda.

SEKILAS MANFAAT



Pendaftaran Mudah

Lindungi diri anda dan keluarga dengan Jumlah Perlindungan Asas sehingga RM250,000 tanpa perlu menjawab soalan kesihatan atau menjalani pemeriksaan perubatan.



Sumbangan Mampu Milik

Dapatkan perlindungan dari serendah RM50¹ sebulan. Sumbangan akan berbeza mengikut umur anda.

¹Sumbangan berdasarkan senario umur 35 tahun, lelaki dan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM80,000.



Lindungi Masa Hadapan Anda

PruBSN Lestari menyediakan jaringan keselamatan kewangan untuk anda dan orang tersayang - pembayaran manfaat PruBSN Lestari memastikan keluarga anda bersedia menghadapi cabaran hidup sekiranya sebarang kejadian tidak diduga berlaku kepada anda. Berikut adalah manfaat yang akan dibayar atas setiap kejadian:

Manfaat Kematian dan Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh² (TPD)

Tahun Sijil 1 hingga 3	Jika Kematian atau TPD disebabkan oleh punca selain dari kemalangan, yang mana lebih tinggi: (i) jumlah Sumbangan Perlindungan ³ ; atau (ii) amaun di dalam Akaun Khas Individu (ISA); berserta nilai unit-unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA), jika ada. Jika Kematian atau TPD disebabkan oleh kemalangan, yang mana lebih tinggi: (i) Jumlah Perlindungan Asas; atau (ii) amaun dalam ISA; berserta nilai unit-unit di dalam IUA, jika ada.
Tahun Sijil 4 dan seterusnya	Yang mana lebih tinggi: (i) Jumlah Perlindungan Asas; atau (ii) amaun dalam ISA; berserta nilai unit-unit di dalam IUA, jika ada.

Manfaat Kematian akibat Kemalangan²

Kematian akibat kemalangan	Manfaat Kematian + Tambahan 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas
Kematian akibat kemalangan dalam pengangkutan awam, lif, kebakaran di teater, hotel atau bangunan awam lain	Manfaat Kematian + Tambahan 200% daripada Jumlah Perlindungan Asas
Kematian akibat kemalangan di Luar Negara	Manfaat Kematian + Tambahan 300% daripada Jumlah Perlindungan Asas

²Manfaat TPD dan Manfaat Kematian Akibat Kemalangan disediakan sehingga Orang yang Dilindungi berumur 70 tahun atau tamat tempoh sijil, yang mana lebih awal.

³Sebahagian daripada jumlah sumbangan yang anda perlu bayar untuk pelan asas.

SEKILAS MANFAAT



Manfaat Khairat

Meringankan beban yang ditanggung keluarga dan perbelanjaan yang tidak dijangka sekiranya anda meninggal dunia, dengan Manfaat Khairat sebanyak RM2,000⁴. Manfaat ini dibayar sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian.

⁴Manfaat Khairat sebanyak RM2,000 akan dibayar atas kematian sahaja. Bagi kematian disebabkan punca selain dari kemalangan, manfaat ini hanya akan dibayar dari Tahun Ke-4 Sijil dan seterusnya. Manfaat Khairat hanya akan dibayar sekali sahaja walaupun anda memiliki lebih daripada satu sijil PruBSN Lestari.



Manfaat Elaun Kesejahteraan

Nikmati Manfaat Elaun Kesejahteraan sebanyak RM500 apabila anda didiagnosis dengan penyakit berjangkit berikut:

- Demam Denggi
- Demam Chikungunya
- Malaria (memerlukan kemasukan ke hospital untuk sekurang-kurangnya 24 jam)
- Penyakit Mulut Kaki Tangan (HFMD)
- Leptospirosis
- Tuberkulosis (TB)
- Hepatitis B
- COVID-19 (Kategori 3 dan ke atas) yang memerlukan rawatan aktif di hospital

Nota: Elaun ini dibayar sehingga 2 peristiwa atau keadaan untuk seumur hidup setiap Orang yang Dilindungi dan tertakluk kepada tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh permulaan sijil, atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian. Elaun ini dibayar sekali seumur hidup untuk peristiwa atau keadaan yang sama.



Fleksibiliti

Anda boleh memilih jumlah perlindungan yang anda inginkan dan pilihan rider yang sesuai dengan keperluan anda.

- Pilihan rider yang boleh disertakan dengan pelan asas anda:
 - i) Takaful Saver
 - ii) Ihsan



Potensi Pulangan Lebih Tinggi

Anda boleh memilih daripada 9 Dana Takafulink yang sesuai dengan tahap kesanggupan mengambil risiko untuk meningkatkan nilai tunai dengan potensi pulangan lebih tinggi, apabila menyertakan rider Takaful Saver.



Melangkaui Semangat Takaful

Membolehkan anda membantu golongan keluarga miskin tegar dan miskin yang layak dilindungi dengan perlindungan takaful keluarga asas melalui rider Ihsan.



Inklusif

Bagi pelan ini, kami menyediakan perlindungan penting tanpa pengunderaitan, potensi keuntungan pelaburan daripada Dana Takafulink dan peluang untuk melakukan kebajikan pada masa yang sama.

BAGAIMANA PruBSN LESTARI BERFUNGSI



**Ali, berumur 30 tahun,
tidak merokok, berkahwin dan mempunyai 2 orang anak**

Ali menyertai PruBSN Lestari dengan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM200,000 dan perlindungan sehingga umur 80 tahun. Ali membayar sumbangan sebanyak RM104* sebulan pada permulaan sijil.

**Ali disahkan
menghidap Demam
Denggi**

Beliau sekali lagi menerima Manfaat Elaun Kesejahteraan sebanyak RM500.

Umur
32

Umur
37

Umur
54

**Ali disahkan positif COVID-19
Kategori 4 dan memerlukan
rawatan aktif di hospital**

Beliau menerima Manfaat Elaun Kesejahteraan sebanyak RM500 bagi membantu perbelanjaan penjagaan kejururawatan atau pemulihan.

Ali meninggal dunia akibat kemalangan semasa melancong di luar negara

Keluarganya akan menerima manfaat berikut dengan jumlah sekaligus:

Manfaat Kematian

100% daripada Jumlah Perlindungan Asas* = RM200,000

**Kematian akibat Kemalangan
di Luar Negara**

300% daripada Jumlah Perlindungan Asas = RM600,000

Manfaat Khairat

RM2,000

*Andaian Jumlah Perlindungan Asas adalah lebih tinggi daripada amaun dalam ISA pada masa kematian.

Terdapat pelan perlindungan lain yang tersedia di mana pengunderaitan diperlukan. Pelan-pelan ini mungkin mempunyai sumbangan dan Penolakan Tabarru' yang lebih rendah kerana keperluan pengunderaitan berbanding PruBSN Lestari. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangan kerana sumbangan ini akan meningkat seiring dengan peningkatan usia anda.

*Ini adalah sumbangan yang dibayar oleh Ali untuk tahun sijil pertama dan ia akan berbeza mengikut umur pada tahun-tahun berikutnya.

Sumbangan bulanan Ali pada tahun-tahun akan datang adalah seperti berikut:

Umur 31 - 35	Umur 36 - 40	Umur 41 - 45	Umur 46 - 50	Umur 51 - 54
RM128	RM170	RM255	RM381	RM609

Sumbangan tidak dijamin dan mungkin disemak semula.

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Manfaat yang boleh dibayar tertakluk kepada tempoh menunggu, terma dan syarat. Sila rujuk Dokumen Sijil untuk terma dan syarat terperinci.

CIRI PRODUK UTAMA

Maklumat asas yang perlu anda ketahui:

Umur Kemasukan	30 - 65 tahun Umur pada Hari Lahir Akan Datang (ANB)
Tempoh Manfaat	Sehingga umur tamat tempoh 80 tahun
Jumlah Perlindungan	Minimum: RM50,000 Maksimum: RM250,000
Sumbangan	Sumbangan bulanan minimum ialah RM50. Sumbangan ini berdasarkan pemilihan Jumlah Perlindungan Asas, rider pilihan dan kekerapan sumbangan anda. Sumbangan akan berbeza mengikut umur Orang yang Dilindungi.
Tempoh Bayaran Sumbangan	Sumbangan perlu dibayar sepanjang tempoh manfaat.
Kekerapan Sumbangan	Bulanan, Suku Tahun, Setengah Tahun atau Tahunan.
Lebihan dan Keuntungan Pelaburan	Lebihan (jika ada) termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) daripada Dana <i>Tabarru`</i> selepas jumlah yang sesuai dipegang untuk tujuan luar jangka akan dikongsi di kalangan semua Peserta dan PruBSN. Anda layak menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana <i>Tabarru`</i> . Bahagian lebihan yang boleh diagihkan anda akan dibayar ke dalam ISA anda. Jumlah sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN. Keuntungan pelaburan yang terhasil daripada ISA akan dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, manakala PruBSN akan menerima baki sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda.

PILIHAN RIDER TAMBAHAN

Pelaburan	<p>Potensi pulangan dan peningkatan dalam nilai tunai apabila anda lampirkan:</p> <ul style="list-style-type: none">• Takaful Saver <p>Sumbangan anda akan dilaburkan dalam dana berkaitan pelaburan yang diluluskan Syariah (Dana Takafulink) yang anda pilih:</p> <ul style="list-style-type: none">• Takafulink Dana Bon• Takafulink Dana Ekuiti Dinasti• Takafulink Dana Urus• Takafulink Dana Dinamik• Takafulink Dana Ekuiti Plus• Takafulink Dana Ekuiti Income• Takafulink Dana Ekuiti Global• Takafulink Dana Aktif• Takafulink Dana Asia <p>Untuk butiran lanjut mengenai Helaian Fakta Dana dan prestasi masa lalu dana, anda boleh layari www.prubsn.com.my.</p>
Derma	<p>Bantu golongan miskin melalui inisiatif PruBSN Microtakaful Jariyah apabila anda lampirkan rider Ihsan dari RM5 sebulan. 100% sumbangan daripada rider Ihsan akan disalurkan kepada Tabung Jariyah Mikrotakaful PruBSN yang diuruskan oleh PruBSN Prihatin.</p>

CAJ DAN PENOLAKAN

Caj Wakalah Pendahuluan

Caj ini membolehkan kami membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Caj *Wakalah* pendahuluan dinyatakan dalam peratusan sumbangan dan akan ditolak daripada sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah berdasarkan tempoh sijil.

Peratusan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan pada tempoh sumbangan untuk 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk kepada ilustrasi produk.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	≥11
PruBSN Lestari	75%	60%	40%	35%	20%	20%	10%	10%	10%	10%	10%
Takaful Saver							5%				

Penolakan *Tabarru`*

Penolakan *Tabarru`* adalah potongan setiap bulan daripada Akaun Khas Individu (ISA) anda ke dalam Dana *Tabarru`* untuk perlindungan takaful anda. Penolakan *Tabarru`* untuk perlindungan takaful adalah berbeza mengikut umur, jantina dan jumlah berisiko. Penolakan *Tabarru`* akan meningkat seiring dengan peningkatan umur anda.

Penolakan *Tabarru`* merujuk kepada sumbangan sukarela oleh peserta mengikut konsep *Ta`awun*. Ini berkaitan dengan bahagian sumbangan peserta dalam Dana *Tabarru`* semasa tempoh manfaat. Penolakan *Tabarru`* daripada peserta-peserta dikumpulkan dalam dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta-peserta. Dana ini digunakan untuk membayar kesemua tuntutan berdasarkan manfaat-manfaat yang telah dipersetujui di bawah perlindungan takaful ini berdasarkan prinsip bantuan dan pertolongan bersama. Kami boleh menyemak semula Penolakan *Tabarru`* pada bila-bila masa tertakluk pada pemberitahuan kepada peserta.

Caj-caj berikut dikenakan jika anda melampirkan Takaful Saver:

Caj Wakalah Pengurusan Aset	Caj ini adalah untuk perbelanjaan pengurusan pelaburan anda yang dikenakan pada dasar harian daripada nilai akaun IUA anda berdasarkan Dana Takafulink yang dipilih. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada Helaian Fakta Dana.
Caj Wakalah Penambahan Sumbangan Tunggal	Terdapat caj 5% ke atas setiap penambahan sumbangan tunggal. Di samping itu, terdapat juga caj tambahan sebanyak RM25 untuk setiap penambahan.
Caj Wakalah Penukaran Dana	Terdapat empat (4) kali penukaran percuma untuk IUA setiap tahun. Untuk sebarang penukaran seterusnya dalam tempoh setahun, caj penukaran telah ditetapkan pada 1% daripada amaun yang ditukar (tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM50).
Caj Wakalah Pengeluaran Separa	Sebanyak RM25 akan dikenakan untuk setiap permintaan.

Nota: Caj Wakalah Pengeluaran Separa, Penukaran Dana dan Penambahan Sumbangan Tunggal dikecualikan buat masa ini sehingga urus niaga elektronik tersedia. Sebarang permintaan manual seterusnya di cawangan PruBSN akan tertakluk kepada caj yang dinyatakan.

NOTA-NOTA PENTING

1. Brosur ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan maklumatnya tidak menyeluruh. Ia tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini dan rider-rider pilihannya, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk dan Helaian Fakta Dana, sebelum menyertai pelan ini dan sila rujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri utama pelan ini.
2. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangan kerana sumbangan ini akan meningkat seiring dengan peningkatan usia anda.
3. Pulangan daripada ISA dan IUA (jika berkenaan) anda, jika ada, akan berdasarkan pada prestasi sebenar dana-dana dan ianya tidak dijamin.
4. Risiko pelaburan dalam IUA anda adalah ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.
5. PruBSN Lestari adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
6. Sumbangan selepas ditolak Caj *Wakalah* Pendahuluan akan diletakkan di dalam ISA. Jumlah Penolakan *Tabarru'* akan ditolak setiap bulan daripada ISA untuk pelan tersebut dan akan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru'*. Di samping itu, konsep Mudarabah diterapkan bagi membolehkan sebarang keuntungan pelaburan yang diperoleh daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, manakala PruBSN akan menerima baki sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda. Sekiranya terdapat kerugian pelaburan yang timbul daripada ISA, selaras dengan konsep Mudarabah, kerugian ini akan ditanggung oleh anda dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah urus atau kecuaian Kami.

7. Anda berhak menerima sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru'* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada). Bersama dengan para peserta lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima 50% baki selebihnya sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru'*. Bahagian lebihan yang boleh diagihkan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
8. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas penghantaran sijil untuk anda melakukan penyemakan jika ia memenuhi keperluan anda. Jika sijil dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik kepada anda jumlah yang berikut:
 - a. amaan dalam ISA (jika ada), dan
 - b. amaan yang dibayar untuk rider Ihsan (jika ada), dan
 - c. nilai unit-unit (jika ada) di dalam IUA; dan
 - d. sebrang Caj *Wakalah Pendahuluan* yang telah ditolak, dan
 - e. sebarang Penolakan *Tabarru'* yang telah ditolak.
9. Jika anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak akan memperoleh nilai sepenuhnya daripada jumlah yang telah dibayar kepada PruBSN. Apabila anda menyerahkan sijil, amaan dalam ISA (jika ada) dan nilai unit-unit (jika ada) dalam IUA akan dibayar. Setelah diserahkan, kesemua manfaat dalam sijil akan ditamatkan.
10. Jika anda berhenti membayar atau terlepas pembayaran sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh. Sijil anda akan tamat sekiranya amaan ISA dan/atau IUA anda tidak mencukupi untuk membayar Penolakan *Tabarru'* dan caj-caj lain.
11. Setelah penamatan, penyerahan, luput, tamat tempoh atau kematangan sijil, PruBSN Lestari tidak lagi akan memberikan sebarang perlindungan atau manfaat daripada Dana *Tabarru'*.
12. Sumbangan, kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan, kadar *Tabarru'* dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari kepada pemilik sijil. Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang tempoh sijil ini.
13. Kemalangan di Luar Negara hendaklah merujuk kepada kemalangan yang berlaku semasa Orang yang Dilindungi tinggal atau melancong:
 - a. di Republik Singapura; atau
 - b. di Negara Brunei Darussalam; atau
 - c. luar dari Malaysia selama tidak lebih daripada 90 hari berturut-turut dalam setiap perjalanan, kecuali Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.
14. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Lahir Akan Datang.
15. Bagi PruBSN Lestari, anda boleh menuntut pelepasan cukai yang berkaitan ke atas sumbangan yang dibuat tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri.
16. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara brosur versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan untuk tujuan penafsiran dan pembinaan, brosur versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
17. Terdapat pelan perlindungan lain yang tersedia di mana pengunderitaan diperlukan. Pelan-pelan ini mungkin mempunyai sumbangan dan Penolakan *Tabarru'* yang lebih rendah kerana keperluan pengunderitaan berbanding PruBSN Lestari. Anda boleh merujuk kepada ejen/perancang kewangan PruBSN anda untuk maklumat lanjut.

Nota: Maklumat lanjut mengenai perlindungan dan manfaat bagi rider pilihan boleh didapati di Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan tersebut.

PENGECUALIAN

PruBSN Lestari tidak menyediakan perlindungan untuk sebarang situasi yang berikut:

1. Kematian disebabkan bunuh diri sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil, yang mana kemudian.
2. TPD yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
 - i. Percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
 - ii. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh Orang yang Dilindungi.
 - iii. Penyalahgunaan dadah atau stimulator, atau komplikasinya.
 - iv. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa.
 - v. Penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara).
3. Kematian Akibat Kemalangan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
 - i. Peperangan, penaklukan, tindakan perrusuhan musuh asing (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pembabitan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam.
 - ii. Pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan.
 - iii. Cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri ketika waras atau tidak waras.
 - iv. Kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketidaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
 - v. Penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara).
 - vi. Penggunaan dadah atau narkotik melainkan diambil mengikut preskripsi doktor atau Pakar Perubatan.
 - vii. Apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang bukan disebabkan oleh kemalangan.
 - viii. Mabuk akibat alkohol atau dadah.
 - ix. Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan.
4. Manfaat Khairat, jika kematian disebabkan oleh mana-mana kejadian berikut:
 - i. Bunuh diri sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil, yang mana kemudian.
 - ii. Sebarang punca selain dari kemalangan berlaku dalam tempoh Tahun Sijil 1 hingga 3.
5. Manfaat Elaun Kesejahteraan, jika Penyakit Berjangkit disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, atau wujud bersama dengan mana-mana kejadian berikut:
 - i. Mana-mana simptom Penyakit Berjangkit yang dihadapi sebelum atau dalam Tempoh Menunggu selama 30 hari.
 - ii. Kehadiran Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit ("AIDS")/jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).

Pengecualian dan batasan adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda perlu merujuk kepada dokumen sijil untuk maklumat lanjut.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Pengaturan yang berasaskan bantuan bersama di mana peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada dana am yang menyediakan manfaat kewangan bersama dan dibayar kepada peserta takaful atau benefisiarinya pada masa berlaku kejadian yang telah dipersetujui.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seorang individu terlibat dalam skim takaful, individu tersebut bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan para peserta lain untuk menyumbang bersama dan membantu antara satu sama lain.



PERTOLONGAN BERSAMA



**PERLINDUNGAN BERSAMA
DARIPADA KERUGIAN**



TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "***Ta`awun***" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru`at*** (**kebajikan**).

Pelan ini ditaja jamin oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PruBSN Lestari adalah produk yang patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS **PruBSN** dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah produk ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan September 2022.